

A. Kata Ganti Nama Diri – Bahasa istana (tarikh jawapan yang betul ke garisan)

Lengkapkan dialog berikut dengan kata ganti nama diri yang betul daripada pilihan yang diberi.

Sultan Muzaffar : Beta berhajat ke Ulu Sungai Duyong untuk melihat kehidupan dan keadaan rakyat _____ (**tuanku / beta**) di sana.

Bendahara : Ampun tuanku. Bilakah _____ (**patik / tuanku**) berkenan untuk berangkat ke sana ?

Sultan Muzaffar : _____ (**Tuan hamba / Beta**) ingin ke sana petang ini atau selewat-lewatnya esok. Apa pendapat _____ (**tuanku/ tuan hamba**)?

Bendahara : Ampun tuanku. Semoleknya _____ (**tuanku / beta**) berangkat ke sana petang esok agar sempat _____ (**patik / tuanku**)_persiapkan rombongan untuk mengiringi tuanku ke sana.

Sultan Muzaffar : Segera persiapkan apa yang _____ (**beta / tuan hamba**) katakan itu.

Bendahara : _____ (**Tuanku / Patik**) mohon undur diri dahulu, tuanku.

B. Padankan bahasa istana di bawah dengan maksudnya.

bonda

santap

beradu

putera

permaisuri

bertitah

gering

ayahanda

anak lelaki raja

sakit

ibu raja

isteri raja

makan

tidur

ayah raja

berucap

